

Kereta bertembung lori ketika dalam perjalanan ke kenduri kahwin

# Tiga beranak maut kemalangan

KOSMO 19/2/12 MSC.

Oleh MUSTAPA LAKAWA  
mustapa.lakawa@kosmo.com.my

**DUNGUN** - Hajat enam sekeluarga untuk menghadiri kenduri perkahwinan saudara tidak kesampaian apabila tiga daripada mereka maut selepas kereta dinaiki bertembung dengan sebuah lori di Kilometer 21.5, Jalan Dungen-Bukit Besi, Kampung Paya Kemudi di sini semalam.

Dalam kejadian pukul 11.40 pagi itu, pemandu kereta Proton Wira, Tengku Shafuddin Tengku A. Rahman, 46, dan isterinya, Salwiah Abdul Rahman, 42, maut di tempat kejadian sementara anak mereka, Tengku Muhammad Aqil Tengku Shafudin, 9, disahkan meninggal dunia ketika dalam perjalanan ke hospital.

Ibu kepada Tengku Shafuddin, Tengku Nik Asiah Tengku Embong, 70, berada dalam kritikal



SHAFUDDIN



SALWIAH



AQIL

manakala dua lagi anak pasangan itu, Tengku Amir Haziz, 10, patah paha kanan dan Tengku Nor Azira 18, cedera ringan. Kesemua mereka menerima rawatan di Hospital Dungen.

Kejadian berlaku ketika mereka dalam perjalanan dari arah Kampung Syukur, Pasir Raja untuk menghadiri kenduri perkahwinan di Kampung Gong Pasir.

Bagaimanapun, mangsa dikatakan gagal mengawal keretanya lalu memasuki laluan bertentangan dan bertembung dengan

sebuah lori.

Sebuah lagi kereta Proton Wira dinaiki empat beranak yang berada di belakang lori terbabit sempat mengelak ke kanan jalan sebelum melanggar tiang lampu. Kesemua mereka bagaimanapun tidak cedera.

Pemandu lori terbabit, Mohamad Abdullah, 58, berkata, dia dalam perjalanan menghantar minyak diesel ke Kampung Padang Pulut dan terkejut apabila kereta mangsa memasuki laluan.

"Saya cuba mengelak dan brek tetapi gagal dan pelanggaran menyebabkan beberapa mangsa dalam kereta tercampak ke atas jalan," jelasnya.



ORANG RAMAI melihat keadaan kereta mangsa kemalangan yang mengorbankan tiga sekeluarga di Kampung Paya Kemudi, Dungen semalam.